

# Persidangan MICOLLAC 2012

**P**ERSIDANGAN Antarabangsa Bahasa Sastera dan Budaya (MICOLLAC) 2012 bertema Penyelidikan yang Rapi, Praktikal dan Relevan dalam Konteks Semasa akan diadakan di Pullman Putrajaya, Putrajaya, pada 10 dan 11 Julai ini.

Pensyarah Universiti Kota Hong Kong, Prof Dr Vijay Bhatia, akan menyampaikan ucap tama berjudul Bahasa Inggeris dalam Konteks Perubahan: Isu, Cabaran

dan Peluang.'

Panel Sidang Pleno pula ialah Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Nor Faridah Abd Manaf; Pensyarah Universiti Helsinki, Finland, Prof Dr Fred Dervin dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ain Nadzimah Abdullah.

Persidangan bertujuan menggalakkan permuafakatan dan kerjasama antara ahli akademik me-

rentas bidang bahasa, sastera dan budaya, sekali gus menyediakan forum untuk membincangkan isu semasa dalam bidang terbabit.

MICOLLAC 2012 anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM, manakala maklumat lanjut hubungi Sekretariat MICOLLAC 2012 di talian 03-89468778; faksimile 03-89439951; e-mel micollac2012@gmail.com atau layari [www.fbmkupm.edu.my/micollac](http://www.fbmkupm.edu.my/micollac).